A **JOHN WILLIBROD CONCISOM WILLIE BROD**

lwn.

PP

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ZAINAL ADZAM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42S-66-12-2011]
9 JULAI 2013

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kanun Keseksaan - Seksyen 409 - Pecah amanah jenayah - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Peguamcara melesapkan wang yang dipegang sebagai pemegang amanah - Elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan - Sama ada niat yang curang dibuktikan - Sama ada pembelaan membangkitkan keraguan yang munasabah - Sama ada hukuman penjara tiga tahun memadai - Sama ada*
D *hukuman ditingkatkan*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Pecah amanah jenayah - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Peguamcara melesapkan wang yang dipegang sebagai pemegang amanah - Sama ada hukuman penjara tiga tahun*
E *memadai - Prinsip yang perlu diambilkira dalam hukuman bagi kesalahan pecah amanah jenayah oleh seorang peguamcara - Sama ada pembatalan tertuduh daripada daftarai peguambela dan peguamcara perlu diambilkira - Sama ada faktor mitigasi diambilkira - Sama ada hukuman ditingkatkan kepada penjara enam tahun dan dua sebatan - Kanun Keseksaan, s. 409*

F ***PROFESION UNDANG-UNDANG:*** *Pecah amanah - Peguamcara melesapkan wang yang dipegang sebagai pemegang amanah - Prinsip yang perlu diambilkira dalam hukuman bagi kesalahan pecah amanah jenayah oleh seorang peguamcara - Sama ada hukuman penjara tiga tahun memadai - Sama ada pembatalan tertuduh daripada daftarai peguambela dan*
G *peguamcara perlu diambilkira - Sama ada hukuman ditingkatkan - Kanun Keseksaan, ss. 402 & 409*

PERKATAAN DAN ISTILAH: *Takrif 'ejen' - Peguamcara memegang wang sebagai pemegang amanah - Sama ada merangkumi peguambela dan peguamcara - Kanun Keseksaan, ss. 402 & 409*

H

Syarikat True Landing Sdn Bhd ('TLSB') dan Syarikat Kuala Jati Sdn Bhd ('KJSB') telah menandatangani perjanjian-perjanjian dengan syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd ('TDSB') sebagai kontraktor untuk memajukan tanah. Mengikut perjanjian-perjanjian tersebut, TLSB dan
I KJSB dikehendaki membayar TDSB sejumlah RM1,615,000. Perayu telah dilantik selaku peguam dan pemegang amanah untuk menerima

amaun RM484,682 ('amaun tersebut') daripada TLSB dan KJSB untuk dibayar kepada TDSB apabila diarahkan demikian oleh pengarah TLSB dan KJSB, iaitu SP2. Amaun tersebut telah didepositkan ke dalam akaun firma guaman perayu. Pada hari yang sama dan hari keesokannya, perayu telah melalui enam transaksi pengeluaran wang, mengeluarkan hampir keseluruhan amaun tersebut daripada akaun tersebut. Apabila SP2 mengarahkan perayu untuk membayar amaun tersebut kepada TDSB, perayu gagal berbuat demikian. Firma guaman perayu juga tidak menjawab surat-surat tuntutan yang dikeluarkan oleh peguam baru TLSB dan KJSB. SP2 telah membuat laporan polis terhadap perayu. Lanjutan daripada aduan yang dibuat oleh TLSB dan KJSB terhadap perayu, Lembaga Tatatertib peguambela dan peguamcara telah membuat perintah supaya perayu membayar balik amaun tersebut kepada pengadu dan perayu telah dibatalkan daripada daftarai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Perayu juga telah dihadapi pertuduhan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan ('KK') atas alasan telah melakukan pecah amanah jenayah terhadap amaun tersebut. Perayu telah disabitkan dan dihukum penjara tiga tahun. Perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut. Perayu juga telah diarah menunjuk sebab kenapa hukuman tiga tahun penjara tidak patut disemak oleh Mahkamah Tinggi atas alasan Mahkamah Sesyen telah terkhilaf dari segi prinsip dalam menjatuhkan hukuman tersebut.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Elemen-elemen bagi kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s. 409 KK adalah seperti berikut: (i) perayu adalah ejen TLSB dan KJSB; (ii) perayu di dalam kapasiti ejen kedua-dua syarikat berkenaan telah diamanahkan amaun tersebut; dan (iii) perayu telah dengan niat yang curang, melupuskan amaun tersebut untuk kegunaannya sendiri atau dengan niat yang curang menggunakan atau melupuskan amaun tersebut. (perenggan 7)

(2) Bagi kesalahan di bawah s. 409 KK, takrif "ejen" termasuk "peguambela dan peguamcara" (s. 402A KK). Penerimaan amaun tersebut oleh perayu selaku peguam dan pemegang amanah jelas adalah sebagai ejen kedua-dua syarikat berkenaan. Transaksi-transaksi pengeluaran tersebut bukanlah mengikut arahan SP2 atau syarikat berkenaan apabila amaun tersebut didepositkan dengan perayu. Perayu dengan pelupusan-pelupusan tersebut telah mengakibatkan kerugian yang salah kepada kedua-dua syarikat. (perenggan 7 & 9)

(3) Mengikut s. 409B KK, bagi kesalahan di bawah s. 409 apabila dibuktikan bahawa seseorang yang diamanahkan apa-apa harta dan orang tersebut telah melupuskan harta berkenaan, orang tersebut hendaklah dianggap bertindak dengan niat yang curang. Peruntukan s. 409 tersebut terpakai terhadap perayu. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap perayu. (perenggan 9)

(4) Pembelaan perayu tidak disokong dengan apa-apa keterangan yang lain dan jelas merupakan penafian kosong dan pemikiran terkemudian. Berbanding dengan kes perayu, kes pendakwaan kukuh dan konsisten. Perayu telah gagal membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. (perenggan 15)

(5) Mitigasi perayu bahawa pembatalan daripada daftarai peguambela dan peguamcara merupakan hukuman yang serius terhadapnya adalah tidak bermerit kerana hukuman tersebut adalah akibat perbuatan perayu sendiri. (perenggan 19)

(6) Hukuman bagi kesalahan pecah amanah jenayah hendaklah mengambilkira dua perkara, iaitu, balasan ("retribution") dan pencegahan ("deterrence"). Bagi kesalahan pecah amanah jenayah, fakta bahawa tertuduh merupakan pesalah pertama dan mempunyai watak yang baik sebelum kesalahan bukan merupakan perkara-perkara mitigasi (*Lee Peng Kong v. PP;* dirujuk). (perenggan 19 & 20)

(7) Kesalahan pecah amanah jenayah oleh seorang peguam merupakan kesalahan yang serius yang akan membawa hukuman yang berat. Sebagai peguam, kesalahan yang dilakukan menjadi bertambah serius. Hukuman penjara tiga tahun oleh Mahkamah Sesyen adalah salah daripada prinsip menjatuh hukuman bagi kes seperti ini. Amaun yang dilupuskan oleh perayu amat besar. Kesalahan perayu secara terus menjejaskan imej profesion undang-undang yang mulia dan kepercayaan orang awam kepada profesion itu. Kesalahan pecah amanah jenayah oleh peguam secara terus membawa kesan buruk kepada urusan perniagaan dan ekonomi negara. Hukuman ke atas perayu diketepikan dan perayu dihukum penjara enam tahun dan dua sebatan. (perenggan 21)

Kes-kes yang dirujuk:

Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [1999] 1 CLJ 537 CA ***(dirujuk)***
Ho Kin Luan & Anor v. PP [1959] 1 LNS 33 HC ***(dirujuk)***
Lee Peng Kong v. PP [1986] 2 CLJ 139; [1986] CLJ (Rep) 437 HC ***(dirujuk)***
Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***
Lim Chow Keng v. PP [1972] 1 LNS 76 FC ***(dirujuk)***

PP v. Mohd Abdullah Ang Swee Kang [1987] 1 CLJ 292; [1987] CLJ (Rep) 918 HC ***(dirujuk)***
PP v. N Vengadasalam & Ors [1990] 1 CLJ 810; [1990] 2 CLJ (Rep) 893 HC ***(dirujuk)***
PP v. Tee An Chuan [1987] 1 CLJ 304; [1987] CLJ (Rep) 928 HC ***(dirujuk)***
Reg v. Davies [1978] 67 Cr App R 207 ***(dirujuk)***
Sarjit Singh Mehar Singh v. PP [2002] 4 SLR 762 ***(dirujuk)***
Wong Kai Chuen Philip v. PP [1990] 1 LNS 146 HC ***(dirujuk)***
Wong Siak Fon v. PP [1972] 1 LNS 182 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, ss. 3, 35, 50
Criminal Procedure Code, ss. 323, 325(2)
Penal Code, ss. 23, 24, 402A, 409B

Bagi pihak perayu - Hadir sendiri
Bagi pihak pendakwaan - Siti Fatimah Talip; TPR

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Zainal Adzam H:

[1] Dalam kes ini perayu telah memfailkan dua notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan, iaitu, satu bertarikh 1 Julai 2013 terhadap keputusan mahkamah ini dibuat pada 25 Jun 2013 dan satu bertarikh 9 Julai 2013 terhadap keputusan mahkamah ini yang dibuat pada 9 Julai 2013. Notis rayuan bertarikh 1 Julai 2013 merupakan tindakan pra-matang oleh perayu kerana pada tarikh tersebut mahkamah ini hanya membuat keputusan menolak rayuan perayu dan telah menetapkan tarikh sambung bicara untuk perayu memberi sebab kenapa mahkamah ini tidak patut menyemak hukuman oleh Mahkamah Sesyen yang tidak menepati prinsip-prinsip menjatuh hukuman. Urusan hukuman hanya telah selesai pada 9 Julai 2013 selepas mahkamah mendengar penghujahan-penghujahan bagi pihak perayu dan Timbalan Pendakwa Raya. Oleh yang demikian notis rayuan perayu bertarikh 1 Julai 2013 adalah tidak sah. Seksyen 50 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca dengan s. 3 Akta yang sama memberi bidangkuasa kepada Mahkamah Rayuan mendengar rayuan kes jenayah daripada keputusan Mahkamah Tinggi mengehadkan rayuan-rayuan berkenaan hanya ke atas keputusan-keputusan oleh Mahkamah Tinggi yang menyelesaikan secara muktamad hak pihak-pihak dalam kes berkenaan.

[2] Seksyen 3 Akta yang sama memperuntukkan takrif "keputusan" sepertimana berikut:

A "keputusan" termasuklah penghakiman, hukuman atau perintah, tetapi tidak termasuk apa-apa ketetapan yang dibuat dalam perjalanan sesuatu perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad."

Ini bermaksud bahawa dalam apa-apa penghakiman, hukuman, perintah
B atau keputusan, elemen penting yang mesti wujud adalah ianya muktamad (*Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [1999] 1 CLJ 537; [1999] 1 AMR 846). Bagi notis rayuan bertarikh 1 Julai 2013 yang difailkan oleh perayu, keputusan terhadap rayuan oleh perayu belum muktamad kerana mahkamah ini belum menentukan hukuman yang perlu dijatuhkan
C terhadap perayu. Ianya dijatuhkan hanya pada 9 Julai 2013 selepas mendengar perayu memberi sebab-sebab kenapa hukuman terhadapnya yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen tidak patut disemak oleh mahkamah ini. Walau bagaimanapun, hanya Mahkamah Rayuan mempunyai bidangkuasa untuk membatalkan notis rayuan oleh perayu
D yang bertarikh 1 Julai 2013.

[3] Di Mahkamah Sesyen perayu menghadapi pertuduhan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan sepertimana berikut:

Bahawa kamu di antara 15.8.2005 hingga 9.2.2009 di pejabat
E Concisom & Co, Peguambela dan Peguamcara, No.2, Jalan Seenivasagam, 30450 Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak, sebagai seorang peguam yang telah diamanahkan dengan harta berbentuk wang tunai sejumlah RM484,682.00, dengan kedudukan demikian, kamu telah melakukan pecah amanah jenayah terhadap harta tersebut yang mana kamu telah menggunakan wang berjumlah
F RM484,682.00 untuk kepentingan sendiri. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan pecah amanah jenayah di bawah seksyen 409, Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Keterangan bagi pihak pendakwaan adalah seperti berikut: SP2
G merupakan pengarah syarikat-syarikat True Landing Sdn Bhd dan Kuala Jati Sdn Bhd (P10 ms. 258 dan 280 rekod rayuan). Syarikat True Landing Sdn Bhd dan syarikat Kuala Jati Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian berasingan (masing-masing bertarikh 13 Jun 2002 dan 29 Julai 2002) dengan syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd (P10 ms. 229 ke 236
H dan ms. 237 ke 249 rekod rayuan) sebagai kontraktor untuk memajukan tanah secara turnkey. Mengikut perjanjian-perjanjian tersebut syarikat-syarikat True Landing Sdn Bhd dan Kuala Jati Sdn Bhd dikehendaki membayar syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd RM1,615,000. SP2 telah melantik perayu selaku peguam dan pemegang amanah (stakeholder)
I untuk terima amaun RM484,682 daripada kedua-dua syarikat tersebut untuk dibayar kepada syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd apabila diarahkan demikian oleh SP2. Jumlah RM484,682 melalui empat cek bertarikh 15 Ogos 2005 telah didepositkan ke dalam akaun firma guaman

Concisom & Co. kepunyaan perayu, seorang peguam. Cek-cek tersebut telah diserahkan oleh adik SP2, SP3 pada 15 Ogos 2005 kepada perayu. Walaupun diminta beberapa kali untuk mengeluarkan resit bagi penerima RM484,682 tersebut, perayu tidak mengeluarkan apa-apa resit. Empat cek tersebut adalah eks. P5A, B, C dan D. SP4, pegawai daripada Public Bank Bhd mengesahkan bahawa akaun klien firma Concisom & Co telah dibuka pada 13 November 1990 dan empat cek tersebut telah dikreditkan ke dalam akaun tersebut bagi amaun RM484,682 pada 16 Ogos 2005. Sebelum empat cek tersebut dikreditkan, jumlah dalam akaun itu hanya RM24,508.63. SP4 mengesahkan bahawa empat cek tersebut dikreditkan kepada Concisom & Co oleh syarikat Juta Ribu Corp Sdn Bhd iaitu, sebuah syarikat milikan SP2 (ms. 43 P10). Penyata akaun tersebut yang dikemukakan oleh SP4 adalah eks. P16.

[4] Mengikut P16 selepas empat cek tersebut dikreditkan pada 16 Ogos 2005, baki dalam akaun telah menjadi RM509,190.63. Selepas empat cek dikreditkan terdapat dua transaksi pengeluaran pada hari yang sama (16 Ogos 2005) daripada akaun yang sama bagi amaun RM240,000 dan RM50,000. Pada keesokannya pula, 17 Ogos 2005 terdapat enam transaksi pengeluaran wang daripada akaun tersebut bagi amaun-amaun RM25,000, RM25,000, RM100,000, RM10,000, RM3,000 dan RM26,381. Selepas transaksi-transaksi pengeluaran wang pada 16 Ogos 2005 dan 17 Ogos 2005, baki dalam akaun tersebut tinggal RM29,799.63. Jumlah besar pengeluaran daripada akaun tersebut pada 16 Ogos 2005 dan 17 Ogos 2005 adalah RM479,391. Daripada P16 adalah jelas bahawa sebahagian besar amaun RM479,391 yang dikeluarkan daripada akaun tersebut pada 16 Ogos 2005 dan 17 Ogos 2005, adalah daripada RM484,682.80 yang telah dikreditkan dalam akaun tersebut pada 16 Ogos 2005 melalui empat cek berkenaan. Mengikut SP4, akaun tersebut telah ditutup pada 10 September 2008 atas sebab "pursuant to dishonored cheques information system".

[5] Apabila SP2 mengarahkan perayu untuk membuat pembayaran amaun RM484,682 kepada syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd perayu gagal berbuat demikian selaku pemegang amanah bagi pihak syarikat-syarikat True Landing Sdn Bhd dan Kuala Jati Sdn Bhd. Akhirnya, selepas tiga tahun enam bulan daripada tarikh penerimaan empat cek-cek (16 Mei 2008), melalui surat bertarikh 12 Disember 2008 (P3) firma perayu menghantar surat kepada syarikat-syarikat True Landing Sdn Bhd dan Kuala Jati Sdn Bhd mengakui penerimaan RM484,682 adalah berkaitan dengan kedua-dua syarikat tersebut dan perjanjian usahasama. Oleh kerana perayu telah gagal bayar balik amaun RM484,682, SP2 bagi pihak kedua-dua syarikat berkenaan telah mengarahkan firma guaman V Selva & Associates melalui dua surat menuntut balik jumlah RM484,682 daripada perayu (P4 bertarikh 16 Januari 2009 dan P5

bertarikh 22 Januari 2009). Firma guaman tersebut tidak dapat apa-apa respon kepada surat-surat tersebut. Atas kegagalan perayu membayar balik amaun tersebut, SP2 telah membuat laporan polis pada 9 Februari 2009 (P2).

[6] Oleh kerana perayu masih gagal memulangkan semula RM484,682 kepada kedua-dua syarikat berkenaan, SP2 telah membuat pengaduan melalui surat bertarikh 16 Februari 2009 (P8) kepada Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara terhadap perayu. Melalui surat bertarikh 2 April 2009 (P6) firma V Selva & Associates syarikat-syarikat True Landing Sdn Bhd dan Kuala Jati telah terpaksa membayar syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd melalui tiga bank deraf (P11) amaun RM484,682 (RM200,000, RM242,341 dan RM6,409). Jumlah RM484,682 dibayar daripada kewangan syarikat Juta Ribu Corporation Sdn Bhd, iaitu syarikat milikan SP2. Pada 20 November 2010 lembaga tersebut selepas bersidang telah membuat perintah supaya perayu membayar balik RM484,682 kepada pengadu dalam tiga bulan daripada tarikh perintah dan perayu dibatalkan daripada Daftarai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya 21 hari daripada tarikh perintah (P9 ms. 225 ke 227 rekod rayuan). Penyata akaun syarikat True Landing Sdn Bhd (ms. 44 P10) bagi tahun berakhir pada 30 Jun 2009 masih menunjukkan bahawa Concisom & Co adalah pemegang amanah untuk syarikat tersebut bagi amaun RM217,720 (RM108,860 + RM108,860). Penyata akaun syarikat Kuala Jati Sdn Bhd bagi tahun berakhir pada 31 Oktober 2008 masih menunjukkan bahawa Concisom & Co adalah pemegang amanah untuk syarikat tersebut bagi amaun RM266,962 (RM133,481 + RM133,481) – (ms. 45 P10). Mengikut SP2 hingga kini amaun RM484,682 tidak dipulangkan balik kepada kedua-dua syarikat berkenaan oleh perayu.

[7] Elemen-elemen bagi kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s. 409 Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

(i) Perayu adalah ejen syarikat-syarikat True Landing Sdn Bhd dan Kuala Jati Sdn Bhd;

(ii) Perayu di atas kapasiti ejen kedua-dua syarikat berkenaan telah diamanahkan RM484,682; dan

(iii) Perayu telah:

(a) dengan niat yang curang melupuskan amaun tersebut untuk kegunaannya sendiri; atau

(b) dengan niat yang curang menggunakan atau melupuskan amaun tersebut.

Dalam kes ini amaun RM484,682 telah diserahkan kepada perayu sebagai pemegang anamah dan peguam oleh syarikat-syarikat True Landing Sdn Bhd dan Kuala Jati Sdn Bhd. Bagi kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan takrif "ejen" termasuk "peguambela dan peguamcara" (s. 402A Kanun Keseksaan). Penerimaan amaun tersebut oleh perayu selaku peguam dan pemegang amanah jelas adalah sebagai ejen kedua-dua syarikat berkenaan. Surat P3 daripada firma perayu mengesahkan perkara ini. Mengenai elemen kedua, amaun berkenaan telah diserahkan kepada perayu sebagai peguam dan pemegang amanah untuk dibayarkan kepada syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd mengikut arahan pengarah kedua-dua syarikat, SP2. Perkara ini disahkan oleh SP2 dan SP3. Penerimaan amaun RM484,682 dibuktikan melalui akaun firma perayu P16 dan empat cek P15A dan D. Surat daripada syarikat perayu P3 mengesahkan penerimaan amaun tersebut adalah daripada dua syarikat berkenaan untuk tujuan perjanjian usahasama. Dua transaksi pengeluaran daripada akaun bagi RM240,000 dan RM50,000 pada 16 Ogos 2005 dan enam pengeluaran-pengeluaran daripada akaun yang sama pada 17 Ogos 2005 bagi amaun-amaun RM25,000, RM25,000, RM100,000, RM10,000, RM3,000 dan RM26,381 adalah bukti-bukti bagi elemen ketiga. Ini adalah oleh kerana transaksi-transaksi pengeluaran tersebut bukanlah mengikut arahan SP2 atau kedua-dua syarikat berkenaan apabila amaun tersebut didepositkan dengan perayu. Perayu selaku pemegang amanah gagal membayarkan amaun RM484,682 tersebut kepada Syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd walaupun diarah berkali-kali oleh SP2 dan juga melalui surat-surat peguambela bagi pihak kedua-dua syarikat P4 dan P5. Sebaliknya perayu telah melupuskan amaun berkenaan daripada akaun kliennya dalam dua hari daripada tarikh penerimaan.

[8] Malahnya, semasa surat P3 bertarikh 16 Januari 2008 diterima oleh SP2, SP2 tidak sedar sebenarnya pada masa itu perayu telah melupuskan RM479,391 daripada akaun firmanya hanya dua hari selepas amaun RM484,682 diterima olehnya pada 16 Ogos 2005, iaitu, tiga tahun lima bulan dahulu (P16). Akaun firma perayu pada 17 Ogos 2005 selepas pelupusan-pelupusan tersebut tinggal hanya RM29,799.63 (P16). Sebelum amaun RM484,682 dikreditkan dalam akaun firma perayu baki dalam akaun itu hanya ada RM24,508.63. Perayu dengan pelupusan-pelupusan tersebut telah jelas mengakibatkan kerugian yang salah kepada kedua-dua syarikat. Walaupun diserah dengan surat-surat tuntutan melalui peguambela kedua-dua syarikat berkenaan (P4 dan P5) perayu gagal membayar balik amaun RM484,682 kepada kedua-dua syarikat tersebut. Kerugian sebenarnya bertambah dua kali ganda akibat tindakan perayu kerana SP2 bagi pihak kedua-dua syarikat berkenaan terpaksa menyelesaikan amaun RM484,682 dengan syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd melalui tiga bank deraf bertarikh 31 Mac 2009 (P11).

[9] Bagi elemen terakhir, niat yang curang (dishonestly) ditakrif dalam s. 24 Kanun Keseksaan sebagai berikut:

> Whoever does anything with the intention of causing wrongful gain to one person, or wrongful loss to another person, irrespective of whether the act causes actual wrongful loss or gain, is said to do that thing "dishonestly".
>
> Explanation - In relation to the offence of criminal misappropriation or criminal breach of trust it is immaterial whether there was an intention to defraud or to deceive any person.

Kerugian salah (wrongful gain) dan kerugian salah (wrongful loss) ditakrifkan dalam s. 23 Kanun Keseksaan sebagai berikut:

> "Wrongful gain" is gain by unlawful means of property to which the person gaining is not legally entitled.
>
> "Wrongful loss" is the loss by unlawful means of property to which the person losing it is legally entitled.

Perayu telah melupuskan amaun RM479,391 daripada akaun firmanya dalam hanya dua hari selepas terima RM484,682 melalui empat cek. Akaun firmanya pula ditutup oleh Public Bank Bhd pada 10 September 2008. Amaun RM484,682 itu tidak pada bila-bila dibayar kepada syarikat Tenaga Denawa Sdn Bhd atau dikembalikan balik kepada dua syarikat berkenaan oleh perayu. Perayu telah jelas mengakibatkan kerugian yang salah bagi amaun RM484,682 kepada kedua-dua syarikat berkenaan. Juga mengikut s. 409B Kanun Keseksaan bagi kesalahan di bawah s. 409 apabila dibuktikan bahawa seseorang yang diamanahkan apa-apa harta dan orang tersebut telah melupuskan harta berkenaan, orang tersebut hendaklah dianggap bertindak dengan niat yang curang. Peruntukan s. 409B tersebut terpakai terhadap perayu. Oleh yang demikian dalam kes ini Mahkamah Sesyen telah betul apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu dan perayu diperintah membuat pembelaan terhadap pertuduhan.

[10] Dalam pembelaannya perayu telah menceritakan dengan panjang lebar mengenai masalah dalaman syarikat-syarikat True Landing Sdn Bhd dan Kuala Jati Sdn Bhd di mana SP2 mempunyai masalah membeli saham daripada pengarah syarikat-syarikat tersebut bernama Khoo Kim Choy. Mengikut perayu SP2 telah melantiknya sebagai perunding (consultant) untuk membantu SP2 menyelesaikan masalah dengan pengarah tersebut. Bayaran kepada perayu sebagai perunding kepada SP2

adalah RM25,000 sebulan untuk menyelesaikan masalah mengenai pembelian saham syarikat-syarikat tersebut daripada Khoo Kim Choy serta menyelesaikan kemajuan tanah-tanah di Simpang Pulai. Mengikut perayu penyelesaian masalah-masalah tersebut mungkin mengambil lima tahun dan oleh yang demikian SP2 mencadangkan dia bayar kepada perayu satu amaun yang tetap. Amaun yang dipersetujui adalah RM600,000 iaitu, RM25,000 sebulan bagi dua tahun. Mengikut perayu juga dia sedia juga menerima 25% (di ms. 94 rekod rayuan perayu menyatakan 30%) daripada keuntungan oleh syarikat Kuala Jati selepas amaun SP2 bayar kepada Khoo. SP2 mengikut perayu lagi menyatakan bahawa syarikatnya tak mampu membayar RM600,000 tetapi syarikatnya mempunyai RM484,682 daripada bayaran ansuran yang SP2 telah sediakan untuk membayar syarikat Tenaga Danawa. Pembayaran RM484,682 mengikut perayu dibayarkan kepadanya sebagai fi perunding dan bukan selaku peguam.

[11] Mengikut perayu SP2 berbohong apabila menyatakan bahawa amaun RM484,682 diberi kepadanya sebagai pemegang amanah untuk perayu bayarkan kepada syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd atas arahan SP2. Perayu menyoalkan kenapa jika benar amaun RM484,682 tersebut perlu dibayarkan kepada syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd, pembayaran kemudian melalui tiga bank deraf HSBC dibuat kepada Tenaga Danawa Sdn Bhd. Mengenai surat P3 pula perayu menyatakan bahawa ianya dikeluarkan atas arahan SP3 untuk meyakinkan Khoo Kim Choy dalam urusan pembelian saham-sahamnya oleh SP2. Perayu menafikan bahawa dia dilantik sebagai pemegang amanah amaun RM484,682 bagi pihak kedua-dua syarikat berkenaan. Mengenai surat-surat tuntutan bagi pihak kedua-dua syarikat yang dihantar kepadanya oleh peguam syarikat-syarikat tersebut, P4 dan P5, dia menjelaskan bahawa dia tidak jawab kerana ianya adalah atas arahan SP2 dan bukan atas arahan kedua-dua syarikat. Mengikut perayu SP2 telah berjaya memperolehi saham Khoo Kim Choo dan tidak lagi ingin membayar 30% yang dipersetujui kepada perayu (di ms. 89 rekod rayuan perayu menyatakan bahawa SP2 setuju membayar 25% daripada keuntungan kedua-dua syarikat berkenaan). Selain daripada amaun RM484,682 itu, SP2 ada juga membayar lebih daripada RM100,000 kepadanya. Walau bagaimanapun perayu tidak ada apa-apa dokumen membuktikannya kerana mengikut perayu pejabatnya telah ditutup.

[12] Daripada pembelaan perayu, dia mengakui beberapa perkara seperti berikut:

(i) aktiviti utama syarikat-syarikat True Landing Sdn Bhd dan Kuala Jati Sdn Bhd adalah perniagaan usahasama dengan syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd untuk pembangunan di Simpang Pulai;

(ii) kedua-dua syarikat tersebut mempunyai tanggungjawab mengikut jadual yang ditetapkan untuk buat pembayaran kepada syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd bagi menyempurnakan pembangunan dalam 36 bulan;

(iii) SP2 menyumbangkan amaun yang banyak sebagai pengarah syarikat-syarikat tersebut sebagai bayaran kepada syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd;

(iv) amaun RM484,682 ada diterima oleh firmanya daripada kedua-dua syarikat;

(v) P3 telah dihantar oleh firmanya kepada SP2;

(vi) surat-surat P4 dan P5 diterima daripada peguam dua syarikat-syarikat berkenaan; dan

(vii) pembayaran kepada syarikat tenaga Danawa Sdn Bhd melalui tiga bank deraf HSBC oleh kedua-dua syarikat diketahui olehnya.

[13] Perayu telah menjadi peguam semenjak tahun 1992, iaitu lebih kurang 13 tahun semasa kejadian dalam pertuduhan. Dalam pemeriksaan balas SP2 oleh perayu sendiri, perayu tidak langsung mencadangkan kepada SP2 mengenai persetujuan SP2 melantik perayu sebagai perunding bagi pihak SP2. Dalam keseluruhan keterangan SP2 sama ada dalam pemeriksaan utama, pemeriksaan balas atau pemeriksaan semula, SP2 tegas dan konsisten bahawa perayu diberi amaun RM484,682 sebagai pemegang amanah bagi pihak dua syarikat berkenaan untuk dibayarkan kepada syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd. Keterangan SP2 tidak disangkal dengan cadangan-cadangan pembayaran fi RM25,000 sebulan bagi lima tahun dan fakta kononnya kedua-dua syarikat itu hanya mampu membayar perayu amaun RM484,682 daripada RM600,000 fi perunding tersebut. Perkara berkaitan isu perunding dan fi RM25,000 bagi dua tahun berjumlah RM600,000 itu hanya dibangkitkan pertama kali oleh perayu dalam kes pembelaannya. Sebenarnya perayu tidak langsung membangkitkan hampir kesemua perkara-perkara yang dinyatakannya dalam pembelaannya apabila memeriksa balas SP2. Perkara-perkara lain yang perayu tidak bangkitkan dengan SP2 termasuk perkara-perkara berikut:

(i) bahawa amaun RM484,682 adalah bayaran ansuran bagi fi RM600,000 sebagai perunding;

(ii) perayu telah pergi dengan SP2 berjumpa syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd pada bulan Ogos 2005 untuk bertanya mengenai butir-butir skim pemajuan;

(iii) masalah pengeluaran "block titles" oleh syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd;

(iv) P3 disediakan oleh firmanya untuk meyakinkan pengarah Koo Kim Choy dalam urusan membeli saham-sahamnya;

(v) penyata akaun syarikat-syarikat True Landing Sdn Bhd dan Kuala Jati Sdn Bhd yang menyatakan amaun-amaun yang didepositkan dengan firmanya sebagai pemegang amanah; dan

(vi) selain daripada RM484,682 SP2 ada juga membayar lebih daripada RM100,000 kepadanya.

[14] Jika benar perayu dibayar RM484,682 sebagai perunding kepada SP2 kenapa perayu berdiam diri selama lebih tiga tahun selepas penerimaan amaun itu sebelum mengesahkan penerimaannya melalui surat P3 bertarikh 12 Disember 2008. Surat P3 jelas menyangkal pembelaan perayu kerana kandungannya mengakui bahawa amaun RM484,682 telah diterima berkaitan urusan perjanjian usahasama kedua-dua syarikat dan bukan sebagai bayaran kepada perayu sebagai perunding. Perayu sendiri mengakui bahawa aktiviti kedua-dua syarikat berkenaan adalah perniagaan usahasama dengan syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd. Dakwaan perayu bahawa kononnya P3 adalah untuk meyakinkan Khoo Kim Chan dan diarah dibuat oleh SP2 tidak langsung dicadangkan kepada SP2 semasa dalam pemeriksaan balas. Ianya dibangkit hanya dalam pembelaan perayu. Sudah tentu sebagai perunding kepada SP2 dan telah dibayar pula amaun besar RM484,682 sekaligus, perayu akan bertindak untuk melakukan apa yang dikehendaki dilakukan sebagai perunding kepada SP2. Malah selepas lebih tiga tahun selepas diberi amaun tersebut perayu telah mendiamkan diri dan SP2 perlu mengarahkan peguamnya menghantar dua surat tuntutan kepada perayu, P4 dan P5. Jika benar perayu dilantik sebagai perunding kepada SP2 kenapa perayu tidak respon kepada P4 dan P5? Tindakan perayu mendiamkan diri menyangkal dakwaan perayu bahawa sebagai perunding kepada SP2 dia kononnya akan menyelesaikan masalah SP2 dengan pengarah Khoo Kim Choo serta masalah kemajuan tanah di Simpang Pulai. Tiada apa-apa keterangan langsung daripada perayu untuk menunjukkan bahawa dia telah bertindak sebagai perunding untuk menyelesaikan masalah-masalah SP2 dan kedua-dua syarikat berkenaan selain daripada kenyataan-kenyataan kosongnya. Alasan perayu bahawa SP2 tiada kuasa bertindak bagi pihak kedua-dua syarikat lemah dan tidak meyakinkan. SP2 adalah pengarah kedua-dua syarikat berkenaan ada kuasa dan berhak bertindak dan surat-surat P4 dan P5 jelas mengenai kandungan-kandungannya. Sebagai peguam, perayu sudah tentu akan menjawab surat-surat tuntutan P4 dan P5 sekiranya kandungannya tak betul dan wang RM484,682 diterima lebih tiga tahun sebelum itu adalah bayaran sah kepadanya sebagai perunding kepada SP2.

[15] Sebagai peguam juga perayu sudah tentu akan hadir dalam persidangan Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara untuk menjawab aduan yang serius dan kononnya tidak benar terhadapnya oleh SP1. Perayu telah dibatalkan daripada Daftarai Peguambela dan Peguamcara dan diperintah membayar balik amaun RM484,682 (P9). Perayu tidak pada bila-bila masa merayu terhadap pembatalannya daripada daftarai peguambela dan peguamcara itu. Pembelaan perayu tidak disokong dengan apa-apa keterangan yang lain dan jelas merupakan penafian kosong dan pemikiran terkemudian. Berbanding dengan kes perayu, kes pendakwaan kukuh dan konsisten. Keterangan SP2 dan SP3 konsisten dan saling menyokong satu sama lain. Juga keterangan-keterangan SP2 dan SP3 disokong dengan dokumen-dokumen semasa seperti empat cek P15A ke D, P3 surat akuan daripada firma perayu, penyata akaun firma perayu P16, laporan polis P2, laporan SP2 kepada Lembaga Tatatertib Majlis Peguam Malaysia P8, keputusan dan perintah Lembaga Tatatertib Majlis Peguam Malaysia P9, serta pembayaran tiga bank deraf kepada syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd P11.

[16] Selain daripada tidak membangkitkan isu pembayaran fi sebagai perunding semasa pemeriksaan balas SP2 dan SP3, perayu sebenarnya ada sekurang-kurangnya empat peluang untuk mempertikaikan atau memberi penjelasan terhadap tuntutan-tuntutan balik wang RM484,682 itu oleh kedua-dua syarikat berkenaan. Pertama, dalam surat P3 tidak langsung disebutkan bahawa ianya diterima sebagai fi perunding tetapi sebaliknya P3 bertajuk "Joint Venture Agreement". Peluang kedua dan ketiga adalah apabila surat-surat P4 dan P5 yang menuntut perayu memindahkan amaun RM484,682 kepunyaan kedua-dua syarikat berkenaan dengan segera kepada akaun klien peguambela kedua-dua syarikat. P4 dan P5 jelas menyatakan wang tersebut adalah berkaitan perjanjian kedua-dua syarikat dengan syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd. Perayu mengakui tidak membalas surat-surat ini dengan alasan yang lemah bahawa ianya adalah atas arahan SP2 dan bukan atas arahan kedua-dua syarikat berkenaan. Peluang keempat adalah apabila SP2 membuat pengaduan rasmi terhadap perayu kepada Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara melalui surat P8. Perayu yang merupakan seorang peguam sudah tentu menyedari bahawa pengaduan tersebut amat serius dan sekiranya tuntutan-tuntutan dan aduan terhadapnya tidak benar dia boleh menjawab dan menghadapi tuntutan-tuntutan dan aduan tersebut. Apa yang berlaku adalah sekali lagi perayu mendiamkan diri dan sehingga dia dihadapi pertuduhan dalam kes ini tiada apa-apa penjelasan dibuat olehnya. Daripada keterangan dalam kes ini sebabnya adalah jelas kerana wang RM484,682 tersebut telahpun dilupuskan olehnya dalam hanya dua hari selepas diterima daripada dua syarikat berkenaan. Semasa surat P3 yang bertarikh 12 Disember 2008

dikeluarkan oleh firma perayu dan surat-surat P4 bertarikh 16 Januari 2009, P5 bertarikh 22 Januari 2009 serta surat aduan SP1 bertarikh 16 Februari 2009 (P8), akaun firma perayu sebenarnya telah ditutup pada 10 September 2008 dan tidak lagi beroperasi. Itulah sebab sebenarnya mengapa perayu berdiam diri dan tidak respon kepada tuntutan-tuntutan dan aduan oleh SP2 bagi pihak kedua-dua syarikat berkenaan.

[17] Perayu telah memanggil dua saksi, SD2 dan SD3. Walau bagaimanapun, keterangan-keterangan kedua-dua saksi tersebut adalah mengenai urusan-urusan dan masalah-masalah kedua-dua syarikat berkenaan serta urusan kedua-dua syarikat berkenaan dengan syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd. Keseluruhan keterangan SD2 dan SD3 langsung tidak ada apa-apa yang kena mengena dengan pembelaan perayu atau apa-apa berkenaan penerimaan amaun RM484,682 oleh perayu daripada kedua-dua syarikat berkenaan. Oleh yang demikian keterangan SD2 dan SD3 didapati tak relevan kepada kes ini. Selepas membuat pertimbangan maksima kesemua keterangan dalam kes ini, adalah didapati bahawa perayu telah gagal membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Rayuan perayu tidak ada apa-apa merit dan oleh yang demikian ditolak. Perayu telah diarah menunjuk sebab kenapa hukuman oleh Mahkamah Sesyen, iaitu tiga tahun penjara tidak patut disemak oleh mahkamah ini kerana Mahkamah Sesyen telah terhilaf daripada segi prinsip dan menjatuhkan hukuman tersebut selaras dengan peruntukan s. 325(2) Kanun Acara Jenayah dan kes *Lim Chow Keng v. PP* [1972] 1 LNS 76; [1973] MLJ 156.

[18] Kuasa Mahkamah Tinggi membuat semakan terhadap keputusan, hukuman atau perintah yang dibuat oleh mahkamah rendah diperuntukkan di bawah s. 323 Kanun Acara Jenayah dan s. 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Hakim Mahkamah Tinggi boleh menyemak keputusan, hukuman atau perintah berkenaan untuk menentukan ketetapan, keesahan atau kesesuaiannya. Antara sebab-sebab kes disemak adalah berkenaan isu hukuman oleh Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret (*Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 2 MLJ 69) dan isu kepentingan awam (*PP v. N Vengadasalam & Ors* [1990] 1 CLJ 810; [1990] 2 CLJ (Rep) 893; [1990] 1 MLJ 507). Kuasa Mahkamah Tinggi tidak terhad walaupun ada rayuan dibuat terhadap keputusan berkenaan (*Wong Siak Fon v. PP* [1972] 1 LNS 182; [1972] 1 MLJ 203; atau isu berkenaan tidak ada dalam rekod rayuan (*Tan Kee Choi v. PP* (Unreported) Criminal Appeal No. KG 10 988 [1999] Mallal Digest 2146). Mahkamah Tinggi ada kuasa semakan apabila sahaja dapat pengetahuan mengenai isu atau kes berkenaan (*Ho Kin Luan & Anor v. PP* [1959] 1 LNS 33; [1959] MLJ 195). Walau bagaimanapun mengikut s. 325(2) Kanun Acara Jenayah apabila

Mahkamah Tinggi bercadang meningkatkan hukuman, tertuduh atau perayu hendaklah diberi peluang memberi sebab-sebab kenapa hukumannya tidak patut disemak dan ditambah (*Lim Chow Keng v. PP* [1972] 1 LNS 76; [1973] MLJ 156, 157).

[19] Dalam rayuan mitigasi, perayu menyatakan bahawa pembatalan daripada Daftarai Peguambela dan Peguamcara merupakan hukuman yang serius terhadapnya. Mitigasi ini tidak ada apa-apa merit kerana hukuman tersebut adalah akibat perbuatan perayu sendiri. Dasar penghukuman bagi kesalahan pecah amanah jenayah telah dibincangkan dalam kes *PP v. Mohd Abdullah Ang Swee Kang* [1987] 1 CLJ 292; [1987] CLJ (Rep) 918; [1987] 2 MLJ 368, 369. Mengikut penghakiman tersebut, hukuman bagi kesalahan pecah amanah jenayah hendaklah mengambilkira dua perkara, iaitu, balasan (retribution) dan pencegahan (deterrence). Alasan tersebut telah merujuk kepada kes *Reg v. Davies* [1978] Cr App R. Mengenai elemen balasan kes *Reg v. Davies* yang melibatkan peguam melakukan pecah amanah jenayah menyatakan sedemikian:

> The retributive element is an important one in this class of case. "At one time it was fashionable to suggest that retribution ought not to enter into sentencing policy. That opinion I think, is not held as strongly now as it was a few years ago. The reason is manifest: the courts has to make it clear that crime does not pay and the only way they can do so is by the length of sentences. Sentences show the court's criminal conduct.' - by Lawton LJ in *Davies*, at 210. The Old Testament concept of an eye for an eye and tooth for tooth no longer plays any part in our criminal law. There is, however, another aspect of retribution which is frequently overlooked: it is that society, through the courts, must show its abhorrence of particular types of crime, and the only way in which the courts can show this is by the sentences they pass' - by Lawton LJ in *Reg v. Sergeant* (1974) 60 Cr App R 74 at 77.

Mengenai elemen pencegahan penghakiman kes tersebut menyatakan sedemikian:

> The next aspect of the matter is the deterrent element. It is said, and rightly said, that when a person is minded to commit criminal breach of trust he is not likely to be deterred by the fact that he may get five years rather than three years or six years rather than four years. 'That is right, but what has got to be maintained is this; be they cashiers, milk roundsmen, foremen or solicitors if they are in breach of trust they will be punished and punished very severely ... Therefore it must be made clear that anyone breaking trust must expect a severe sentence.' - by Lawton LJ in *Davies* at 210. Likely offenders may very well be put off by deterrent sentence. So that as far as deterrence of others is concerned, it is the experience of the courts that deterrent sentences may very well be of considerable value where crime is premeditated. This is what Lawton LJ said in *Sargeant*, at 77:

> There are two aspects of deterrence: deterrence of the offender and deterrence of likely offenders. Experience has shown over the years that deterrence of the offender is not a very useful approach, because those who have their wits about them usually find the closing of prison gates an experience which they do not want again. If they do not learn that lesson, there is likely to be a high degree of recidivism anyway. So far as deterrent sentence are of little value in respect of offences which are committed on the spur of the moment, either in hot blood or in drink or both. Deterrent sentence may very well be of considerable value where crime is premeditated.
>
> Persons in positions of trust who are thinking of abusing that trust by making away with other people's money may very well be put off by deterrent sentences.

[20] Bagi kesalahan pecah amanah jenayah fakta bahawa tertuduh merupakan pesalah pertama dan sebelum kesalahan mempunyai watak yang baik tidak merupakan perkara-perkara mitigasi. Mengikut kes *Lee Peng Kong v. PP* [1986] 2 CLJ 139; [1986] CLJ (Rep) 437 watak baik sememangnya merupakan pra-syarat untuk tertuduh mendapatkan kedudukan beramanah dan oleh yang demikian, tertuduh sebenarnya mempunyai obligasi tambahan dalam keadaan tersebut. Kes *PP v. Tee An Chuan* [1987] 1 CLJ 304; [1987] CLJ (Rep) 928; [1987] 2 MLJ 372 pula menjelaskan bahawa dalam hampir kesemua kes pecah amanah jenayah tertuduh merupakan pesalah pertama. Dalam kes *Wong Kai Chuen Philip v. PP* [1990] 1 LNS 146; [1991] 1 MLJ 321 tertuduh seorang peguam telah mengaku salah terhadap dua pertuduhan pecah amanah jenayah bagi amaun $1,841,232.20 sebagai pemegang amanah dan tidak membuat apa-apa pembayaran balik Mahkamah Tinggi Singapura telah menolak rayuan terhadap hukuman enam tahun penjara (tiga tahun penjara bagi kedua-dua pertuduhan berjalan berasingan). Mahkamah mendapati bahawa kegagalan perayu selaku peguam dan pemegang amanah memulangkan balik amaun tersebut perkara yang memberatkan kesalahan oleh perayu. Dalam menolak rayuan oleh pesalah hakim dalam kes itu telah merujuk kepada buku "*Sentencing and Penal Policy*" oleh Andrew Asworth sedemikian:

> Where an offence involves a breach of trust, this is generally treated as aggravating factor. Its powerful influence is shown by the degree to which it outweighs factors which would normally go in mitigation. Indeed, there is the paradox that some of the strongest factors in mitigation (unblemished career, model citizen, good employment record) are often present in these cases and yet do not tell greatly in the offender's favour. The reason is that positions of trust are not normally given to individuals unless they have unblemished references,

A and so the offence may be seen as a betrayal of those very basis of trust, and one of the burdens of a position of trust is an undertaking of incorruptibility. The individual who puts himself forward as trustworthy, is trusted by others and then takes advantage of his power for his own personal ends can be said to offend in two ways - not only does he commit the crime charged (be it theft, false accounting or a B sexual offence), but in addition he breaches the trust placed in him by society and by the victims of the particular offence.

Hakim dalam kes yang sama telah juga menyentuh mengenai peranan peguam sepertimana berikut:

C Lawyers trade on their honesty. They sell their trustworthiness. Accordingly, one of the gravest offences an advocate and solicitor can commit is to take his clients' money. Criminal breach of trust by a lawyer in the discharge of his professional duty must inevitably call for a custodial sentence of a deterrent nature, not so much as to deter the offender concerned but to deter other members of his profession D from committing similar offences.

Dalam kes *Sarjit Singh Mehar Singh* [2002] 4 SLR 762 Yong Pung How, Hakim Besar Singapura telah menyatakan sedemikian di mana perayu merupakan seorang peguam:

E Cases under s. 409 of the Penal Code are more serious than simple criminal breach of trust cases since under the situation envisioned by the provision, the offender was *ex hypothesis* standing in a fiduciary type relationship with the victim of the offence.

F Dalam kes tersebut mahkamah telah mengenepikan hukuman penjara tiga tahun dan menggantikan dengan hukuman penjara enam tahun.

[21] Adalah jelas bahawa kesalahan pecah amanah jenayah oleh seorang peguam merupakan kesalahan yang serius yang akan membawa hukuman yang berat. Sebagai peguam kesalahan yang dilakukan menjadi G bertambah serius. Hukuman penjara tiga tahun oleh Mahkamah Sesyen dalam kes ini adalah salah daripada prinsip-prinsip menjatuh hukuman bagi kes seperti ini. Mahkamah Sesyen gagal mengambil kira prinsip-prinsip hukuman dalam kes-kes pecah amanah oleh peguam. Amaun yang dilupuskan oleh perayu amat besar, iaitu RM484,682. Tindakan H perayu telah mengakibatkan kerugian yang salah kepada kedua-dua syarikat berkenaan dan kepada SP2. Ianya akibat daripada kegagalan perayu menjalankan tugasnya sebagai pemegang amanah membayar amaun RM484,682 itu kepada syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd, SP2 terpaksa mengeluarkan amaun RM484,682 yang lain daripada syarikat I Juta Ribu Corporation Sdn Bhd miliknya untuk membayar kepada

syarikat Tenaga Danawa Sdn Bhd. Kesalahan perayu secara terus menjejaskan imej profesyen undang-undang yang mulia dan kepercayaan orang awam kepada profesyen itu. Peguam sentiasa diamanahkan oleh individu, syarikat-syarikat, bank, kerajaan dan lain-lain dengan amaun wang yang banyak dan besar. Kesalahan pecah amanah jenayah oleh peguam secara terus membawa kesan buruk kepada urusan perniagaan dan ekonomi negara. Mahkamah Sesyen telah gagal mengambil kira perkara-perkara seperti ini dalam menjatuhkan hukuman terhadap perayu. Oleh yang demikian hukuman tiga tahun penjara ke atas perayu patut disemak. Dalam kes ini hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen ke atas perayu diketepikan dan perayu dihukum penjara enam tahun dan dua sebatan.